

## Jenayah dan Gelandangan Wanita: Garis Panduan Kepada Pemulihan Sosial dan Keperluan Praktis Kerja Sosial

*(Crime and Homeless Women: Guidelines to Social Rehabilitation, and the need to Social Work Practices)*

Mohd Alif Jasni<sup>1\*</sup> 

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia;  
Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia;  
Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Email: [mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Mohd Alif Jasni  
([mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my))

### KATA KUNCI:

Jenayah  
Wanita  
Faktor-faktor  
Kesan-kesan  
Keperluan khusus  
Pemulihan sosial

### KEYWORDS:

Crime  
Women  
Factors  
Effects  
Special needs  
Social rehabilitation

### CITATION:

Mohd Alif Jasni. (2022). Jenayah dan Gelandangan Wanita: Garis Panduan Kepada Pemulihan Sosial dan Keperluan Praktis Kerja Sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001594.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1594>

### ABSTRAK

Seringkali perlakuan jenayah dikaitkan dengan golongan lelaki, namun demikian, golongan wanita juga tidak terkecuali dalam melakukan jenayah. Penglibatan jenayah wanita bukan sahaja termasuk jenayah kecil malahan jenayah berat yang dilihat menjadi semakin serius, agresif dan ekstrem. Jenayah merupakan perlakuan yang melanggar dengan undang-undang, mengancam keselamatan atau menimbulkan ketakutan pada orang awam dan telah menyebabkan kesan negatif kepada mangsa jenayah serta orang di sekeliling. Kertas konsep ini akan membincangkan faktor dan kesan kepada penglibatan dalam jenayah. Ia diikuti membincangkan tentang keperluan khusus yang diperlukan oleh wanita ini. Kertas konsep ini turut mencadangkan garis panduan yang bersesuaian yang dapat digunakan dalam merekabentuk program atau intervensi kepada pemulihan sosial. Kertas konsep turut membincangkan tentang keperluan praktis kerja sosial dalam aspek perundangan bagi membantu gelandangan Wanita. Keseluruhan perbincangan kertas konsep ini memberi panduan dan gambaran dalam proses membantu gelandangan wanita ini menerusi praktis kerja sosial yang dapat diperkenalkan.

### ABSTRACT

Often criminal acts are associated with men, however, women are no exception in committing crimes. Women's criminal involvement not only includes petty crimes but also serious crimes that are seen to be increasingly serious, aggressive and extreme. Crime is an act that violates the law, threatens safety or creates fear in the public and has had a negative impact on victims of crime and those around them. This concept paper will discuss the factors and effects

on involvement in crime. It is followed by a discussion of the specific needs of these women. This concept paper also suggests appropriate guidelines that can be used in designing programs or interventions to social rehabilitation. The concept paper also discusses the practical needs of social work in the legal aspect to help homeless women. The entire discussion of this concept paper provides guidance and insight in the process of helping these homeless women through social work practices that can be introduced.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini berupaya dalam mengisi kelompongan tentang gelandangan wanita sebagai subjek kajian. Hal ini kerana gelandangan wanita sebagai komuniti yang sangat rentan di jalanan masih kurang dibincangkan secara akademik dengan rancak. Keperluan dalam meneroka tentang isu ini dalam pelbagai aspek bagi membawa kepada percambahan ilmu pengetahuan tentang golongan ini. Kajian ini membawa perbincangan dalam lensa yang sangat terkini dengan menjadikan gelandangan wanita sebagai fokus kajian.

## 1. Pengenalan

Gelandangan wanita lebih jarang didengari dalam masyarakat Malaysia berbanding dengan gelandangan lelaki yang memonopoli sepenuhnya aktiviti kutu rayau di jalanan seluruh bandar utama di dalam negara. Kehidupan gelandangan wanita di Malaysia sangat mencabar terutama dari faktor keselamatan menjadi persoalan bagaimana gelandangan wanita hidup setiap hari sebagai gelandangan dan sampai bila mereka berkeadaan seperti begitu? Gelandangan wanita adalah tidak terserlah berbanding gelandangan lelaki kerana mereka berlindung di tempat tersembunyi serta mereka ini sebenarnya lebih terdedah kepada keganasan dan penganiayaan di jalanan. Golongan gelandangan wanita ini sering didapati akan berusaha sedaya upaya untuk menyewa walaupun secara harian disebabkan faktor keselamatan. Mereka ini lebih terdedah dengan ancaman seksual dan dirompak sekiranya berada di jalanan. Malahan, terdapat daripada mereka yang akan menyewa bilik yang sangat daif sehinggakan tidak mempunyai kelengkapan yang mencukupi seperti ketiadaan dapur untuk memasak, tingkap, pengudaraan yang baik, tandas yang perlu berkongsi dan sebagainya. Keadaan hidup di dalam bilik sewa yang infrastrukturnya serba-serbi tidak mencukupi membuatkan golongan yang tinggal ini turut boleh dirujuk sebagai gelandangan. Hal ini kerana menjadi gelandangan adalah tidak terhad kepada hanya perlu duduk di jalanan. Mereka yang terpaksa menyewa di bilik-bilik yang daif ini turut juga dikategorikan sebagai gelandangan disebabkan tahap dan keadaan hidup yang begitu destruktif ini. Kesemua ini membuktikan keadaan hidup gelandangan wanita ini sangat daif dan miskin. Selain itu menurut kajian [Jasinski et al. \(2005\)](#) gelandangan wanita terdiri daripada penderaan oleh pasangan sebanyak 35%, penggunaan dadah 43% dan masalah psikiatri 14%. Beliau juga menjelaskan di Eropah gelandangan wanita akan dirompak tiga kali dalam hidupnya, diserang atau dipukul empat belas kali dan juga ditembak. Jelas menunjukkan penganiayaan gelandangan wanita lebih tinggi daripada gelandangan lelaki. Keadaan hidup yang mencabar sering membuatkan mereka terdedah dalam keadaan ketegangan dan lebih terdedah dengan aktiviti jenayah. Keadaan ini membawa kepentingan dalam meneroka kehidupan jenayah dalam kalangan Wanita. Keperluan dalam meneliti faktor kepada penglibatan golongan wanita ini ke dalam jenayah.

Kini, bidang kriminologi telah mengalami perkembangan dari segi kesaksamaan gender. Kriminologi telah mula mempertimbangkan perbincangan tentang wanita dalam memahami kemasukan ke dalam jenayah. Hari ini didapati semakin ramai wanita telah terlibat di dalam jenayah yang membawa kepada keperluan untuk mengkaji kaedah dalam mencegah dan mengurangkan penglibatan wanita ke dalam jenayah. Hampir sedekad yang lalu telah menunjukkan peningkatan 800% dalam sabitan pesalah wanita. Ia telah meningkatkan kadar pertumbuhan pesalah lelaki ke dalam jenayah (Struble, 2019). Pada tahun 1970an, telah hadirnya kriminologi feminis dalam membincangkan tentang isu penglibatan dalam jenayah. Dengan itu, menyebabkan keperluan untuk mengkaji jenayah wanita dengan memahami pelbagai dimensi yang menyebabkan para wanita ini terlibat dalam jenayah. Hal ini berpunca disebabkan oleh kelemahan wanita yang berpunca daripada pengalaman penganiayaan mereka yang tidak seimbang (Burman & Gelsthorpe, 2016). World Health Organization (WHO) (2021) turut mengatakan keganasan terhadap wanita ini semakin kekal berleluasa dan telah menjadi semakin membimbangkan. Hal ini didapati dalam 1 daripada 4 wanita muda (berumur 15-24 tahun) telah menjalani hubungan akan pernah mengalami keganasan oleh pasangan intim apabila mereka mencapai pertengahan dua puluhan. Begitu juga, didapati, sepanjang hayat mereka, 1 daripada 3 wanita, kira-kira 736 juta, telah mengalami keganasan fizikal atau seksual oleh pasangan intim atau keganasan seksual daripada bukan pasangan dan jumlah yang sebahagian besarnya yang tidak berubah sepanjang dekad yang lalu (World Health Organization, 2021). Motif wanita yang melakukan jenayah bunuh adalah disebabkan kecurangan pasangan mereka, penyalahgunaan dadah dan alkohol dan keganasan rumah tangga (Siti Nurkhairina, Mohammad Rahim & Wan Shahrazad, 2019). Keadaan ini menunjukkan wanita ini terlibat dalam jenayah disebabkan berada dalam perkataan yang penuh dengan diskriminasi dan stigmatisasi.

Pada masa kini, wanita dilihat akan bekerjasama dengan penjenayah lelaki dalam menjayakan modus operandi yang membentuk sindiket jenayah. Malahan, menerusi media massa telah melaporkan penglibatan wanita dalam perlakuan jenayah seperti penjualan dan pengedaran dadah, pembuangan anak, pembunuhan, penderaan serta jenayah siber (Siti Nurkhairina et al., 2019). Pelbagai faktor telah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada tingkah laku jenayah oleh golongan wanita. Malahan, United Nations Office on Drugs and Crime (2014) turut mengatakan bahawa semakin ramai wanita telah mula dipenjarakan disebabkan oleh kesalahan kecil. Begitu juga didapati apabila peningkatan pemenjaraan wanita ke dalam penjara disebabkan oleh perundangan yang ketat untuk kesalahan berkaitan dadah. Kehadiran kertas konsep ini cuba membawa kepada perbincangan yang mendalam terutama untuk mengetahui faktor-faktor dan kesan-kesan penglibatan para wanita ini ke dalam tingkah laku jenayah.

Menyedari gelandangan wanita ini mudah terdedah dengan pelbagai masalah di jalanan seperti dirogol sehingga melahirkan anak, terjebak dalam penagihan dadah, dikerah dan terpaksa bekerja sebagai pelacur serta segelintir mereka terlibat dalam aktiviti jenayah seperti mencuri dan mengedar dadah menyebabkan kerajaan telah menyediakan agensi khas yang memantau aktiviti kutu rayau di Malaysia dengan melakukan operasi secara kerap berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Jabatan Kebajikan Masyarakat sebuah agensi telah dipertanggungjawabkan menjalankan operasi menangkap gelandangan di sekitar bandar-bandar seluruh Malaysia sepertimana yang telah termaktub dalam Akta Orang Papa 1977. Pelbagai penyebab yang menjadikan wanita memilih hidup sebagai gelandangan di jalanan antaranya faktor bencana alam.

Bencana alam seperti banjir, angin taufan dan kebakaran menjadikan seseorang wanita jatuh miskin dan kehilangan tempat tinggal dan akhirnya menjadi gelandangan. Selain faktor lain seperti dihalau oleh keluarga, jatuh muflis, keberhutangan yang serius, sejarah kemiskinan keluarga, penghijrahan daripada kampung ke bandar, sebatang kara dan lain-lain lagi menyebabkan wanita menjadi gelandangan. Menurut [Nor Amalina et al, \(2016\)](#) faktor kemiskinan, penyalahgunaan dadah dan keganasan rumahtangga menjadikan wanita memilih untuk hidup bergelandangan.

Bagi memastikan golongan gelandangan di Malaysia khususnya wanita mendapat pembelaan dari sudut perundangan negara. Maka JKM telah mengenal pasti beberapa akta yang terlibat dengan gelandangan wanita yang diguna pakai di Malaysia seperti Akta Orang Papa 1977, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 dan Akta Mahkamah Budak 1947. Selain itu, JKM telah melantik pekerja sosial untuk memberikan perkhidmatan terbaik membantu gelandangan wanita. Peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial dalam memberikan perkhidmatan terbaik amat membantu perjalanan proses perundangan negara menjadi lebih lancar. Oleh yang demikian, kertas konsep ini turut akan merungkaikan dengan lebih terperinci peranan kerja sosial dalam membantu gelandangan wanita mengurangkan masalah sosial dikalangan mereka dalam aspek perundangan.

## 2. Gelandangan Wanita

### 2.1. Definisi Gelandangan Wanita

Menurut [Baptista \(2010\)](#) gelandangan wanita diertikan sebagai wanita yang tidur di jalanan dan tiada kediaman tetap. [Reeve et al. \(2006\)](#) mendefinisikan wanita gelandangan bujang ialah wanita yang tiada anak bersama mereka dan tidur di mana-mana tempat yang dirasakan selesa termasuklah di dalam kereta, bangsal, tempat yang berbumbung dan lokasi terbuka seperti taman permainan dan jelas wanita gelandangan adalah miskin dan tiada kediaman formal untuk berlindung. [Muhammad Syafiq dan Doris \(2018\)](#) mendedahkan gelandangan wanita ialah merupakan segelintir manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna. Mereka menjelaskan lagi bahawa gelandangan dalam kompleks definisi oleh United Nation dikategorikan kepada dua iaitu gelandangan pertama (utama) dan sekunder. Gelandangan utama merupakan manusia yang tinggal di jalanan tanpa ada tempat perlindungan. Manakala gelandangan sekunder ialah segelintir manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal atau kediaman yang tetap dan berpindah randah mencari keselesaan. Berdasarkan [Muhammad Ammar dan Mohd Anuar \(2017\)](#) menjelaskan bahawa gelandangan wanita ialah orang yang tiada hala tuju dalam hidupnya namun boleh didefinisikan sebagai manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna kerana faktor kemiskinan dan tinggal di jalanan.

### 2.2. Faktor Wanita Menjadi Gelandangan

Beberapa faktor menyebabkan wanita memilih menjadi gelandangan ialah:

#### 2.2.1. *Tiada Kemahiran, Kelulusan Pendidikan Mencari Pekerjaan Sesuai*

Wanita memilih menjadi gelandangan apabila melihat peluang pekerjaan di pejabat memerlukan kelayakan pendidikan tinggi menyebabkan mereka gagal mencari pekerjaan yang lebih terjamin. Dengan perubahan arus kemodenan negara dan kenaikan kos sara hidup yang tinggi menyebabkan gelandangan wanita semakin terhimpit. Faktor

sosial dan ekonomi boleh memberikan kesan yang lebih teruk kepada kemiskinan sedia ada. Ia turut dirumitkan dengan pengangguran yang melanda. Di samping itu, turut berlaku penghijrahan wanita dari kampung ke bandar-bandar besar. Kemiskinan yang perlu ditanggung disebabkan oleh masalah ketiadaan wang yang mencukupi dalam menyara diri sendiri. Kesemua ini menyukarkan golongan ini menyewa rumah mahupun bilik di kawasan bandar raya disebabkan sewa yang mahal. Menerusi [Oudshoorn et al., \(2018\)](#) mendedahkan gelandangan wanita mempunyai masalah ekonomi kerana pendapatan yang diperoleh secara harian dan bulanan tidak mencukupi, terjejas akibat daripada masalah kesihatan, keberhutangan serius mengakibatkan aset disita dan tiada pekerjaan yang layak untuk mereka. Menerusi [Farrah Wahida et al. \(2018\)](#) JKM telah mendapati faktor wanita menjadi gelandangan akibat tiada pekerjaan, diikuti kemiskinan dan usia tua, sebatang kara dan penagih dadah. [Kneck et al. \(2021\)](#) mendedahkan gelandangan walaupun mempunyai pekerjaan tetapi masih mempunyai masalah mendapatkan keperluan asas kerana sumber pendapatan tidak mencukupi untuk membayar sewa bilik dan lain-lain keperluan diri. [Melo \(2019\)](#) mendedahkan gelandangan wanita berada dalam keadaan tertekan apabila pendapatan minimum tidak mencukupi menyebabkan mereka terpaksa memilih jalan singkat mendapatkan pendapatan lebih seperti mengedar dadah.

### 2.2.2. Kemiskinan

Kemiskinan antara faktor yang menyebabkan Wanita sering cenderung menjadi gelandangan. Menurut [Veeran \(2000\)](#) wanita di dunia lebih mudah jatuh miskin berbanding dengan lelaki serta wanita lebih berisiko menghadapi masalah fizikal yang lemah seperti tidak dapat menahan kelaparan dan kebuluran. Wanita didapati sering menghadapi beberapa halangan seperti mendapatkan pendidikan, penjagaan kesihatan, peluang pekerjaan dan pemilikan harta. [Chant \(2014\)](#) mengatakan bahawa kesan kemiskinan bagi wanita telah memberikan kesan tekanan mental dan emosi yang tidak stabil setiap wanita di dunia kerana hak mereka seperti akses mendapatkan air bersih, sanitasi, pekerjaan dan perubatan telah diabaikan atau ditidakkan. Di sesetengah negara wanita tidak boleh berperanan langsung dalam membuat keputusan. Oleh yang demikian wanita menjadi miskin dan hanya diberikan sedikit perlindungan kepada wanita berdasarkan hak dan dasar sesebuah negara. Menurut [Nor Amalina et al, \(2016\)](#) kategori wanita menjadi miskin seperti hilang upaya, wanita telah mengambil tempat menjadi ketua keluarga apabila kematian suami, wanita yang suaminya telah masuk ke penjara, wanita yang ditinggalkan suami dan terabai, wanita yang dipaksa menjadi pekerja seks, wanita yang didera suami dan menjadi mangsa keganasan suami, wanita telah dijangkiti HIV dan juga wanita tersebut adalah warga emas. [McLanahan dan Kelly \(1999\)](#) mendedahkan kemiskinan merupakan angka yang sangat relatif dan tinggi di kalangan wanita terutama golongan ibu tunggal. [Melo \(2019\)](#) menyatakan wanita yang menjadi balu dan bercerai boleh menjadi miskin kerana terdapat anak bersama mereka yang perlu dibesarkan lebih-lebih lagi bekas suami culas dalam memberikan nafkah dan harta. Keadaan ini menyebabkan mereka yang tidak mempunyai pilihan yang pelbagai dalam hidup telah terpaksa menjadi gelandangan.

### 2.2.3. Masalah Kesihatan

Menurut [Farrah Wahida et al. \(2018\)](#), gelandangan wanita yang telah dikenal pasti mempunyai emosi tidak stabil seperti muram, ketakutan, cemas, dan berasa tidak aman. [Melo \(2019\)](#) menjelaskan gelandangan wanita mempunyai masalah mental lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Menurut [Huttman dan Redmond \(1992\)](#) mendedahkan di



Eropah gelandangan wanita memilih untuk menyelesaikan masalah dengan ketagihan arak dan mengambil bahan terlarang. Gelandangan wanita yang mempunyai masalah mental yang serius gagal diterima bekerja oleh mana-mana majikan (Muhammad Syafiq & Doris, 2018). Klitzing (2004) mendedahkan gelandangan wanita perlu mahir menyesuaikan masalah dan menerima tekanan dengan menyibukkan diri dengan pekerjaan.

#### *2.2.4. Pengabaian dan Penderaan*

Faktor lahir dalam keluarga miskin, kurang bernasib baik, tidak mempunyai kemahiran dan pendidikan tinggi adalah antara beberapa ciri gelandangan wanita. Kebanyakan gelandangan wanita yang membesar di jalanan sejak kecil telah menjadi mangsa penderaan fizikal, gangguan seksual dan mangsa seksual jalanan Mayock et al. (2015). Melo (2019) mendedahkan wanita lebih mudah menjadi mangsa penderaan seksual terutama yang tiada kediaman tetap dan hidup di jalanan. Nor Amalina et al. (2016) mendedahkan wanita mudah menjadi mangsa penderaan rumah tangga dan keluar lari dari rumah akibat tidak tahan didera. Selain itu menerusi Reeve et al. (2006) di Eropah gelandangan wanita berkulit putih lebih terdedah mengalami penderaan seksual berbanding dengan gelandangan berkulit hitam, namun begitu gelandangan wanita mudah didera secara seksual tidak kira peringkat umur dan jenis kulit. Farrah Wahida et al. (2018) menjelaskan penderaan wanita memberikan kesan yang panjang terhadap emosi, mental, penyakit kronik, dadah, arak dan kehilangan pekerjaan. Semua penderaan yang dialami oleh wanita mangsa penderaan di jalanan telah memberikan kesan kepada ketidakfungsian untuk meneruskan kehidupan dengan sempurna akibat daripada trauma pengalaman yang dihadapi. Menurut Hakimie (2021) wanita yang didera lebih bertindak agresif seperti merokok dan mengambil bahan terlarang, beliau menjelaskan lagi wanita yang didera hidup dalam tekanan tinggi dan mudah mendapat penyakit kronik, gangguan kesihatan mental dan jangkitan.

### **2.3. Faktor Penglibatan Gelandangan Wanita dalam Jenayah**

Terdapat pelbagai faktor yang boleh menyebabkan golongan gelandangan wanita ini cenderung untuk terlibat ke dalam jenayah. Hal ini penting untuk kertas konsep ini membicarakan tentang faktor penglibatan ke dalam jenayah dalam membawa sumbangan kepada badan pengetahuan terutama kriminologi dan keadilan jenayah. Faktor yang mendorong mereka melakukan jenayah telah mengakibatkan kesan atau perubahan dalam kehidupan. Kertas konsep ini melampirkan kesemua faktor ini seperti berikut:

#### *2.3.1. Institusi Kekeluargaan yang Lemah*

Faktor penglibatan golongan wanita dalam jenayah turut boleh dilihat disebabkan oleh keadaan institusi kekeluargaan yang lemah. Tingkah laku yang semakin membimbangkan disebabkan oleh kurangnya pemantauan ibu bapa sepanjang anak-anak ini membesar. Kurangnya pemantauan juga telah menyebabkan mereka lebih mudah terjebak dengan jenayah apabila dewasa kelak. Hal ini berpunca disebabkan oleh institusi kekeluargaan yang lemah boleh memberi kesan kepada mental dan psikologi wanita dari segi rohani dan intelek. Punca utama penglibatan wanita dalam jenayah melibatkan aspek-aspek keluarga seperti hubungan dengan keluarga yang lemah, konflik antara ahli keluarga, status sosioekonomi, dan pengalaman didera (Abasi & Mohammadkhani, 2016). Faktor ibu bapa atau keluarga yang tidak memberikan

perhatian atau kasih sayang kepada anak-anak serta keadaan rumah tangga yang tidak harmoni sejak kecil, mendorong kepada perlakuan jenayah oleh individu tersebut. Selain itu, masalah kekeluargaan seperti penderaan, penceraian dan masalah kewangan menyebabkan wanita terlibat dengan aktiviti jenayah disebabkan tekanan hidup yang dialami mereka (Kamal, 2015). Tambahan lagi, tekanan dari pekerjaan dan putus kasih juga antara faktor keterlibatan wanita dalam jenayah (Kamal, 2015). Ini dapat dilihat melalui satu artikel berita, yang menunjukkan seorang wanita sanggup menjadi pelacur dan direlakan oleh suaminya akibat masalah kesempitan wang yang kemudiannya menjadikan pekerjaan songsang itu sebagai sebuah pendapatan sampingan (Projekmm, 2015).

### *2.3.2. Faktor Keganasan Rumah Tangga*

Antara faktor yang membawa kepada penglibatan golongan wanita dalam kes jenayah ialah keganasan rumah tangga (Lu, 2018). Dalam kes keganasan rumah tangga, lebih daripada 95% mangsa adalah wanita (Lu, 2018). Ramai wanita yang menjadi mangsa, demi kemasyhuran penuh dan keutuhan keluarga, tidak berani berhujah dan menahan pukulan, cacian dan penderaan suami, apatah lagi melaporkannya. Wanita mangsa mengamalkan sikap pasrah dan bertolak ansur, dan telah mengalami penderitaan fizikal, psikologi dan rohani untuk masa yang lama; Walau bagaimanapun, sesetengah wanita mengalami keganasan suami mereka dan mengalami ketakutan mental jangka panjang. Ini telah mengakibatkan kehidupan jangka panjang wanita sebagai mangsa amat sukar, malah mengalami masalah psikologi atau mental. Oleh itu, mereka cenderung untuk melepaskan kemarahan dan membalas dendam terhadap laluan jenayah dengan sengaja, kecederaan dengan sengaja atau laluan jenayah lain apabila mereka tidak berdaya dan terdesak (Mili & Cherian, 2015).

### *2.3.3. Faktor Kemiskinan*

Di samping itu, faktor kemiskinan juga mendorong golongan wanita untuk melakukan jenayah. Ramai masyarakat di negara Malaysia yang kehilangan kerja dan terpaksa menanggung beban hutang yang semakin meningkat. Cara mudah bagi mereka mendapatkan wang adalah dengan melakukan jenayah. Kebanyakan golongan wanita yang mempunyai masalah kewangan sering melakukan aktiviti pelacuran. Tambahan pula, kemiskinan merupakan faktor kedua yang menyebabkan golongan wanita menghadapi masalah psikologi sehingga melibatkan dalam kes jenayah. Dalam banyak kes, gaji minimum wanita hampir tidak dapat menampung perbelanjaan keluarga, terutamanya bagi wanita yang menjaga anak. Misalnya, sebanyak 38% wanita yang disabitkan bersalah melakukan jenayah untuk membesarkan anak (Dehnavi, 2021). Ini menunjukkan bahawa kemiskinan mempunyai kesan psikologi yang besar kepada wanita. Mereka menjadi tertekan dan terdesak, dan kemudian mereka memutuskan untuk melakukan jenayah kerana mereka tidak menemui apa-apa yang boleh mengeluarkan mereka secara sah dari situasi ini.

### *2.3.4. Pengaruh Rakan Sebaya*

Seterusnya, faktor yang menyebabkan golongan wanita terlibat dalam aktiviti jenayah ialah pengaruh rakan sebaya (Rosliza, 2016). Hal ini kerana golongan wanita merupakan seorang yang pasif yang mudah terpengaruh oleh situasi tertentu sehingga mendesak diri mereka untuk melakukan jenayah demi kepuasan tersendiri. Sebagai analogi, rakan-rakan sering mengugut mangsa untuk melakukan jenayah. Bagi memperoleh

kepercayaan rakan seperjuangan, golongan ini sanggup melakukan apa sahaja perkara yang boleh menarik minat rakan-rakannya untuk sentiasa bersama dalam apa jua keadaan yang mereka hadapi tanpa menghiraukan impak negatif yang bakal dihadapi kelak. Mereka tidak akan merasa puas setelah melakukan jenayah pada pertama kali dan akan mengulangi perbuatan yang sama untuk memenuhi kepuasan tersendiri. Kebanyakan wanita yang bergelar banduan akan memilih untuk menjadi gelandangan selepas keluar daripada penjara. Gelandangan wanita bekas banduan ini tiada pekerjaan dan memilih melakukan semula aktiviti jenayah yang pernah dilakukan sebelum ini. Rata-rata kawan mereka datang mencari semula mereka dan menyebabkan gelandangan wanita bekas banduan ini terdorong untuk melakukan semula jenayah dan pelbagai jenis kesalahan. Ada antara mereka kembali melakukan kegiatan memeras ugut, merompak, mencuri dan melakukan aktiviti samun secara berkumpulan. Hal ini menimbulkan keresahan terutama orang awam yang melalui kawasan yang sunyi sering berhadapan dengan kes ragut dan sebagainya.

#### *2.3.4. Faktor Sikap Materialistik*

Selain itu, faktor sikap materialistik yang hebat juga mendorong kepada peningkatan kadar jenayah golongan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana, kepada kesan media sosial, memiliki produk mewah menjadi pertanda kejayaan seorang wanita. Wanita semakin mengejar keuntungan dan keselesaan segera dalam kehidupan mereka akibat budaya yang semakin meningkat ini. Oleh itu, mereka sering akan membeli barangan mewah yang melebihi keupayaan untuk membuatkan *posting* demi tujuan kesombongan. Tambahan pula, kesombongan dan kecemburuan wanita yang terlebih melampau telah menyebabkan mereka ke arah jenayah. Di samping itu, semasa perayaan setiap tahun, kita boleh melihat adik-beradik berkumpul untuk menunjukkan-menunjukkan satu sama lain beg jenama dan kereta mewah. Justeru, tingkah laku jenayah menjadikan kaedah yang paling mudah dan pantas digunakan oleh golongan wanita untuk memperoleh kemewahan segera (Dash, 2018).

#### *2.3.5. Penagihan Dadah dan Mengedar Dadah*

Kebanyakan wanita di jalanan terjebak dengan pengambilan dadah dan antara mereka menjadi penagih tegar. Mereka terdedah dengan dadah apabila bergaul dengan teman lelaki yang juga seorang penagih menyebabkan secara tidak langsung terjebak dalam penagih dadah. Menurut Nor Amalina et al, (2016) wanita mudah terjebak dengan penagihan dadah jenis sentetik kerana mudah diambil dan didapati. Di kelab malam biasa mudah didapati dadah jenis pil ekstasi yang mampu memberikan kesan khayal yang kuat kepada wanita sehingga wanita tersebut tidak menyedari apa yang berlaku kepada mereka. Wanita yang berada dalam pengaruh dadah gagal bekerja dengan sempurna menyebabkan majikan serik mengambil kelompok ini bekerja dengan mereka. Selain itu, selain menjadi penagih dadah mereka juga terlibat dengan aktiviti mengedar dadah di sekitar kawasan mereka.

#### *2.3.6. Faktor Masalah Psikologi*

Faktor psikologi juga mendorong kepada sikap jenayah golongan wanita. Melihat situasi dari sudut kognitif, terdapat kemungkinan pencetus (tingkah laku dan kognisi) sebelum ini yang mendorongnya melakukan perbuatan jenayah atau pelanggaran (Bonn, 2017). Selain itu, wanita kini lebih mengalami bebanan, dari kerjaya dan kekeluargaan. Oleh hal demikian, munculnya kes-kes wanita yang melakukan tindakan jenayah seperti



penderaan kanak-kanak dan kes penipuan, untuk melepaskan stres serta perasaan negatif akibat masalah psikologi yang semakin serius (Astro Awani, 2018). Menurut Putkonen et al. (2003), masalah mental, kecelaruan personaliti dan tekanan yang tinggi merupakan faktor psikologi terhadap perlakuan jenayah.

## 2.4. Kesan Penglibatan Wanita dalam Jenayah

Penglibatan wanita ke dalam jenayah telah membawa kesan yang destruktif. Keadaan ini membawa beberapa kesan. Antaranya seperti berikut:

### 2.4.1. Kesan Terhadap Psikologi, Emosi, Fizikal dan Mental

Penulis mendapat terdapat beberapa kesan yang boleh berlaku dari hasil penglibatan wanita ke dalam jenayah. Kesan yang berlaku itu boleh terjadi dari sudut psikologi, emosi, mental dan fizikal. Ia boleh berpunca daripada kehilangan kepercayaan terhadap individu yang seharusnya melindungi mereka disebabkan oleh berlaku kes pencabulan, rogol, diskriminasi dan lain-lain terhadap mereka. Wanita ini didapati cenderung untuk terlibat dalam kegiatan jenayah disebabkan oleh pergaduhan dengan ahli keluarga sehingga cenderung menyebabkan kesan kepada hubungan di dalam institusi kekeluargaan. Perkara sebegini berlaku disebabkan kurangnya layanan serta kasih sayang yang secukupnya dan hilang kepercayaan kepada suami sehingganya menyebabkan mereka mudah terpengar terlibat ke dalam jenayah disebabkan oleh balas dendam terhadap situasi yang berlaku (Nurul Kasmadillawati, 2021).

### 2.4.2. Menggugat Kestabilan Masa Depan

Seterusnya, penglibatan wanita dalam jenayah berpotensi menggugat kestabilan masa depan mereka (Aridz, 2017). Hal ini kerana jenayah yang dilakukan akan memberi kesan jangka panjang kepada mangsa. Oleh itu, dua masalah dan halangan yang paling biasa untuk mengejar kehidupan baru bagi wanita ialah hubungan keluarga dan profesional (Gordon, & Peters, 2021). Sebaik sahaja wanita itu dibebaskan dari penjara, sukar bagi mereka untuk menjalin semula keintiman antara ahli keluarga dan masyarakat. Unsur penafian dalam keluarga ini disertai dengan rasa malu dan dendam dalam diri mereka yang bersaudara, hingga memesongkan imej keluarga jenayah tersebut. Selain itu, terdapat kes jenayah di mana pesalah wanita menimbulkan kekeliruan dan syak wasangka di kalangan ahli keluarga dan menimbulkan rasa tidak percaya dalam keluarga (Mohd Alif et al., 2021). Dari segi pekerjaan, wanita yang terlibat dengan jenayah akan sukar mendapatkan pekerjaan yang diinginkan kerana rekod jenayah mereka. Oleh itu, bekas gelandangan wanita tidak boleh diambil sebagai pekerja kerana keadaan ini akan memberi kesan negatif terhadap reputasi syarikat.

### 2.4.3. Melalui Pendiskriminasian dan Dipandang Rendah oleh Masyarakat

Selain itu, kemasukan wanita dalam jenayah juga menjadikan mereka dihina oleh orang ramai. Sudah tentu, jenayah adalah kesalahan di bawah undang-undang Malaysia. Orang ramai sering melihat mereka yang terlibat dalam jenayah kerana jenayah itu diklasifikasikan sebagai berpotensi merosakkan harga diri seseorang. Wanita yang melakukan jenayah tidak akan dilayan secara adil kerana mereka mempunyai impak yang boleh menjejaskan nama baik orang lain. Orang ramai akan cuba mengelakkan diri daripada bergaul dengan kumpulan itu untuk keselamatan diri. Ini menunjukkan bahawa reputasi wanita telah merosot selepas penglibatan mereka dalam jenayah

(Ngah, 2019). Persepsi masyarakat terhadap golongan ini akan berterusan dalam jangka masa panjang kerana jenayah yang dilakukan pada masa lampau.

#### *2.4.4. Kesukaran dalam Menjalani Kehidupan sepanjang dibebaskan*

Di samping, golongan wanita yang terlibat dalam jenayah akan mengalami kesukaran untuk menjalani kehidupan yang lebih baik (Ekhwan, 2021). Hal ini dikatakan demikian kerana wanita yang baru sahaja dibebaskan dari penjara akan disisihkan oleh masyarakat kerana perbuatan jenayah lampau yang masih kekal di ingatan orang ramai meskipun wanita tersebut telah berubah dan ingin menjadi seorang yang berguna. Mereka juga akan mengalami keretakan hubungan antara ahli keluarga setelah keluar dari penjara. Sebaik sahaja banduan dibebaskan, mereka akan memilih sama ada untuk kembali ke pangkuan keluarga ataupun memilih untuk berhijrah jauh daripada tempat asal. Sungguhpun demikian, bagi mereka yang pulang ke tempat asal, mereka akan berhijrah juga daripada tempat asal dalam suatu tempoh yang tertentu kerana faktor penolakan daripada keluarga sendiri (Mohd Alif et al., 2018).

### **3. Peranan Kerja Sosial Membantu Gelandangan Wanita dalam Aspek Perundangan Malaysia Kini**

Menyedari masalah dan faktor wanita menjadi gelandangan sepertimana yang dibincangkan di atas maka pihak kerajaan memerlukan satu profesional bidang pekerjaan yang boleh membantu golongan wanita yang hidup bergelandangan untuk berjaya keluar hidup dalam masyarakat dengan keadaan kondusif, fleksibel, selesa dan memenuhi keperluan asas yang diperlukan oleh manusia (Haris, 2003). Oleh yang demikian kerja sosial telah dipertanggungjawabkan membantu golongan gelandangan wanita yang terkesan. Seseorang yang berminat untuk menjadi kerja sosial memerlukan satu lesen khas daripada kerajaan Malaysia sebelum boleh menjadi pengamal kerja sosial. Seseorang pekerja sosial yang berminat membantu gelandangan wanita dalam aspek perundangan memerlukan kemahiran dan pengetahuan dalam aspek perundangan di Malaysia. Pegawai Kerja Sosial Perundangan adalah mereka yang boleh dirujuk untuk mendapatkan maklumat penting berkenaan dengan proses perundangan yang mana mereka terlibat secara langsung dalam beberapa proses perundangan seperti menggubal polisi selaras keperluan sosial di Malaysia. Bagi melestarikan perkhidmatan perundangan di Malaysia kerajaan telah menambahkan bilangan kerja sosial terutama dalam bidang perundangan di setiap agensi-agensi terpenting dalam kerajaan yang memberikan perkhidmatan dan berdepan dengan orang awam secara telus.

Bagi membantu gelandangan wanita yang bermasalah dan mengalami konflik diri berterusan pekerja sosial cuba berinteraksi dengan mereka bagi menyelesaikan kemelut dialami dalam aspek perundangan. Menurut Goodman dan Walker (1975) dan Katz (1961) pekerja sosial perundangan menekankan masalah penyelesaian konflik dan komunikasi berkesan dengan gelandangan terutama gelandangan wanita yang amat sukar memberikan kerjasama dengan pekerja sosial akibat daripada kurang keyakinan kepada orang asing. Kerja sosial perundangan berperanan secara profesional dalam membantu gelandangan wanita menjadi perunding menyelesaikan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh mereka dengan melakukan beberapa siasatan dan aduan daripada gelandangan terbabit. Menurut Kwinyike (2017) pekerja sosial dalam bidang perundangan berhak menolong klien mendapatkan akses bantuan peguam dan

berperanan menjadi orang tengah dengan membawa kes klien mereka berjumpa dengan bantuan guaman.

Pekerja sosial agak mencabar apabila berhadapan dengan gelandangan wanita yang tidak dapat memberikan kerjasama. Berkemungkinan gelandangan wanita khuatir kehadiran pekerja sosial perundangan menyebabkan mereka dimasukkan semula ke pusat pemulihan dadah atau dimasukkan semula ke penjara atau ke mana-mana pusat kebajikan masyarakat. Pekerja sosial perundangan juga mudah didapati di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui permintaan daripada agensi perundangan khususnya peguam dan badan kehakiman yang menginginkan JKM mempunyai pekerja sosial dalam bidang perundangan di setiap cawangan JKM seluruh negara yang fokus membantu golongan merempat dan kutu rayau terkesan dalam bidang perundangan berdasarkan kes-kes mereka. Pekerja sosial perundangan di JKM bertindak berdasarkan SOP (standard operasi prosedur) yang ditetapkan oleh kerajaan semasa bekerja dan berhadapan dengan gelandangan wanita.

Pekerja sosial dalam bidang perundangan akan memainkan peranan memujuk dan cuba menyelamatkan keadaan gelandangan wanita. Fokus utama pekerja sosial perundangan mengenal pasti dan menyiasat kes-kes gelandangan wanita dan cuba memihak mereka dengan mewakili diri mereka ke mahkamah untuk keadilan. Pekerja sosial perundangan memerlukan satu piagam kerja berkualiti dengan menyediakan perkhidmatan sosial yang sangat efektif dan profesional walaupun klien mereka hanyalah seorang gelandangan wanita. Implikasi daripada pengalaman dan pengetahuan pekerja sosial perundangan berhadapan dengan pelbagai karakter dan personaliti gelandangan wanita memberikan satu kemudahan menyelesaikan masalah kes-kes mereka. Kepakaran ini secara tidak langsung memberikan tumpuan kepada komunikasi yang berkesan, penggunaan sumber yang minimum, kos yang efektif dalam menyelesaikan masalah gelandangan wanita yang terkesan dalam aspek perundangan. Kebanyakan kes gelandangan wanita yang berjumpa dengan pekerja sosial perundangan melibatkan gangguan seksual, penderaan, masalah pinjaman wang berlesen daripada ah long, ingin keluar daripada jerangkap sendiket pelacuran dan sebagainya.

Gelandangan wanita mempunyai pelbagai latar belakang sebelum mereka memilih hidup sebagai gelandangan di jalanan. Mereka menjadi gelandangan dengan sarat beban masalah diri terutama melibatkan ekonomi dan kewangan yang teruk. Oleh yang demikian, gelandangan wanita tidak berkemampuan mendapatkan khidmat peguam swasta yang mahal walaupun mudah dan cepat. Mereka juga tidak mampu untuk pergi mendapatkan perkhidmatan percuma yang disediakan oleh kerajaan untuk mereka seperti hadir ke Biro Bantuan Guaman Malaysia untuk mendapatkan perkhidmatan guaman percuma. Hal ini disebabkan masalah kewangan kronik dengan kos pengangkutan, makanan dan sebagainya menyebabkan mereka terpaksa berfikir untuk mendapatkan perkhidmatan Biro Bantuan Guaman. Oleh yang demikian, pekerja sosial perundangan perlu turun ke lapangan mendekati gelandangan wanita dan cuba menyelami permasalahan mereka. Kehidupan di jalanan yang penuh dengan trauma dan ranjang kehidupan menyebabkan gelandangan wanita tidak tahu bagaimana mendapatkan perkhidmatan peguam percuma tersebut.

#### 4. Akta Perundangan Yang Melibatkan Gelandangan Wanita di Malaysia

Pihak kerajaan telah mengenal pasti beberapa akta yang terlibat dengan gelandangan dan digunakan sehingga kini bagi menyelesaikan permasalahan mereka. Antara akta yang terlibat ialah:

- i. Akta Orang Papa 1977
- ii. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973

Akta ini akan dirungkaikan dalam tugas ini dari pelbagai sudut bagi melihat keberkesanan dan kefungsiannya dengan permasalahan golongan gelandangan wanita dalam aspek hak, tuntutan dan keperluan mereka.

##### 4.1. Akta Orang Papa 1977

Kewujudan Akta Orang Papa 1977 memfokuskan satu peruntukkan yang ke arah kebajikan menjaga dan memulihkan orang yang melarat di jalanan. Dalam akta ini memberikan kemudahan dan peluang kepada gelandangan untuk mendapatkan perlindungan dan jagaan serta rawatan pemulihan di pusat pemulihan seperti Rumah Seri Kenangan dan Desa Binadiri. Selain itu, akta ini membuat tindakan melibatkan kuasa yang diberikan kepada pegawai Kebajikan Masyarakat seperti berikut:

- i. Sesiapa sahaja boleh merujuk seorang papa kepada Pegawai Kebajikan untuk tindakan tertentu;
- ii. Sekiranya Pegawai Kebajikan Masyarakat itu mempercayai orang itu adalah seorang papa, maka beliau boleh memohon perintah mahkamah bagi ia dimasukkan ke dalam institusi untuk sementara waktu, iaitu tidak melebihi 30 hari atau sebulan, di samping menjalankan penyiasatan.
- iii. Selepas siasatan diadakan mahkamah boleh memerintahkan kemasukan orang itu ke Desa Binadiri untuk menjalankan pemulihan. Tindakan ini tidak boleh digunakan bagi mereka yang berusia di bawah 18 tahun.

Selain itu, akta ini juga menyatakan bagaimana untuk mengeluarkan orang apa daripada pusat kebajikan seperti berikut:

- i. Seseorang papa yang berada di Institusi boleh dibebaskan jika Penguasa Institusi berkenaan berpuas hati bahawa orang papa itu telah mendapat pekerjaan yang sesuai untuk menyelenggara dirinya, atau;
- ii. Dibebaskan kepada jagaan seseorang yang bersetuju dan berkeupayaan menjaga dan menanggungnya dengan wajar.

Ulasan daripada Akta Orang Papa 1977 sangat umum dan tidak menyatakan terperinci berkenaan dengan gelandangan wanita. Apa yang dapat disimpulkan daripada Akta Orang Papa 1977 pihak kerajaan memberikan kuasa kepada pekerja sosial di JKM dan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain melakukan operasi menyelamatkan gelandangan yang terbiar dengan menempatkan dan membimbing gelandangan supaya akhirnya dapat berusaha ikhtiar hidup sepertimana manusia normal yang lain. Oleh yang demikian, menurut [Nor Amalina et al. \(2016\)](#), semasa JKM melakukan serbuan operasi ke atas gelandangan wanita di jalanan maka, wanita tersebut diberikan nasihat, kemahiran dan bantuan yang diperlukan supaya dapat berdikari dan hidup seperti manusia biasa yang lain. Akta Orang Papa 1977 banyak kekurangan dalam membicarakan isu berkenaan dengan gelandangan wanita. Hal ini telah ditegaskan oleh Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin yang mana menjelaskan kerajaan kini berjanji berikrar untuk mewujudkan akta, peraturan, dasar, program kesaksamaan jantina untuk

melindungi golongan wanita dan gadis termasuklah gelandangan wanita (Hakimie, 2021). Terdapat banyak lompang dalam Akta Orang Papa 1977 berkenaan dengan gelandangan wanita yang mana mereka memerlukan akses perlindungan, penjagaan kesihatan dan keadilan. Namun Akta Orang Papa 1977 banyak menekankan peranan kerja sosial dalam menjalankan operasi menangkap kutu rayau atau orang melarat di sekitar jalanan dan diletakkan dalam perlindungan rumah kebajikan atau dihantar ke pusat pemulihan dadah dan sebagainya.

#### **4.2. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973**

Akta ini digubal untuk memberikan perlindungan kepada wanita dan gadis dengan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit. Fokus akta ini dibuat apabila kerajaan mendapati banyak berlaku keruntuhan akhlak di kalangan wanita dan gadis. Apabila terdapat akta ini penjaga sah telah memohon bagi menahan seorang perempuan di bawah usia 18 tahun di tempat perlindungan atas alasan tidak menjalankan kawalan sepatutnya kerana terdedah bahaya akhlak. Jika didapati gelandangan wanita dan anak gadis mereka tinggal di jalanan mudah terdedah dengan bahaya akhlak seperti mengikut teman lelaki, menjadi perempuan simpanan, menjadi pemuas nafsu di jalanan dan juga terperangkap dalam sindiket pelacuran. Oleh yang demikian, akta ini turut membincangkan beberapa elemen penting berkenaan dengan wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral, kerosakan akhlak dan mangsa pelacuran. Sepertimana yang dibincangkan di atas gelandangan wanita dan anak gadis mereka terdedah menjadi mangsa sindiket pelacuran menyebabkan mereka trauma dan tidak dapat lari daripada dikejar oleh sindiket pelacuran di sekitar ibu kota. Oleh yang demikian kewujudan akta ini membantu golongan gelandangan wanita kerana terdapat peruntukan menjatuhkan hukuman bagi orang yang didapati bersalah menggunakan gelandangan wanita dan anak gadis mereka untuk menjadi pelacur dan sebagainya. Terdapat peruntukan jika seseorang yang didapati bersalah mempergunakan wanita dan gadis bagi tujuan pelacuran dan sebagainya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau didenda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau denda kedua-duanya. Oleh yang demikian, tidak semua gelandangan wanita tahu kewujudan akta perlindungan wanita dan gadis untuk membantu mereka. Peranan kerja sosial dalam perundangan diperlukan untuk memberikan pengetahuan tentang kewujudan akta ini bagi membantu gelandangan wanita yang terkesan dalam kegiatan sindiket pelacuran. Selain itu akta ini memberikan perlindungan kepada gelandangan wanita yang mengandung akibat daripada salah laku akhlak yang mereka lakukan dengan menyediakan perlindungan di bawah pengawasan seorang pegawai JKM. Akta perlindungan wanita amat diperlukan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Menurut Jasinski et al. (2005) terdapat beberapa penemuan ciri wanita gelandangan di New York didapati 106 kali mereka dirogol, 41 kali dirompak, dan hasil temu bual satu pertiga daripada gelandangan yang ditemui telah dirogol. Oleh yang demikian tidak mustahil gelandangan wanita di Malaysia tidak mengalami kes-kes begitu. Dengan adanya peruntukan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 ini amat membantu gelandangan wanita dari sudut perundangan negara. Jelas kerana faktor kemiskinan melanda mereka menyebabkan mereka teraniaya akibat dirogol, dieksploitasi sebagai pelacur dan juga dirompak.

#### **5. Keperluan Khusus Gelandangan Wanita**

Wanita merupakan kumpulan yang terdedah kepada risiko di penjara kerana mereka memerlukan keperluan yang sesuai. Antaranya ialah, cabaran dalam mendapatkan



keadilan secara setara dengan lelaki, keperluan terhadap penjagaan kesihatan, keselamatan dalam penjara, sokongan sosial dan hubungan keluarga serta tanggungjawab wanita dengan anak-anak.

### 5.1. Memerlukan Keadilan

Ramai wanita dalam sistem keadilan jenayah adalah dari sektor masyarakat yang miskin dan terpinggir atau daripada golongan masyarakat yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah disebabkan keluarga, pegangan agama, adat atau persepsi stereotaip kedudukan wanita dalam masyarakat ([United Nations Office on Drugs and Crime, 2014](#)). Hal ini meletakkan mereka dalam keadaan sangat terdedah dalam jenayah, seterusnya mempunyai implikasi terhadap undang-undang yang serius. Wanita juga terdedah kepada penderaan seksual dan bentuk keganasan lain yang boleh memaksa mereka melakukan kesalahan secara tidak sedar. Terdapat banyak laporan buta huruf dan wanita miskin yang menandatangani pernyataan (selalunya dengan cap jari) dan kandungannya tidak difahami oleh mereka sendiri menyebabkan mereka melakukan jenayah tanpa diketahui ([United Nations Office on Drugs and Crime, 2014](#)).

### 5.2. Keperluan Terhadap Penjagaan Kesihatan

Menurut [United Nations Office on Drugs and Crime \(2014\)](#), wanita dimasukkan ke dalam penjara lebih cenderung menderita dengan tekanan mental berbanding lelaki, akibat daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga, penderaan fizikal dan seksual. Oleh itu, penyelidikan di beberapa negara mendapati bahawa kecacatan mental dalam kalangan banduan wanita lebih tinggi dibandingkan dengan banduan lelaki dan wanita lebih cenderung daripada lelaki untuk mencederakan diri sendiri atau cuba membunuh diri, yang mana menekankan keperluan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan mental yang sesuai dan berorientasikan kepada keperluan khusus gender bagi gelandangan wanita ([Laishes, 2002](#)). Kesihatan mental wanita cenderung merosot di penjara yang penuh sesak, di mana pembezaan tahanan berdasarkan penilaian yang tepat tidak dibuat dan program banduan tidak mencukupi untuk menangani perkara yang spesifik mengikut keperluan wanita.

### 5.3. Sokongan Sosial dan Hubungan Keluarga

Di Eropah Timur dan Asia Tengah, telah melaporkan syarat bagi pengunjung penjara perlu memberikan sumbangan kewangan untuk lawatan yang ingin dilakukan ([United Nations Office on Drugs and Crime, 2014](#)). Sumbangan kewangan ini memberi beban tambahan kepada ahli keluarga yang juga terpaksa membayar kos pengangkutan serta menimbulkan kesukaran untuk mengunjungi ahli keluarga mereka di penjara. Banduan wanita cenderung ditempatkan pada jarak yang jauh dari rumah mereka, yang bermaksud bahawa sumbangan kewangan tambahan boleh menyebabkan kos lawatan ahli keluarga yang di dalam penjara mustahil dilakukan dan peraturan ini memberi kesan khusus kepada banduan wanita. Semua gelandangan wanita yang telah didakwa atau disabitkan dengan kes jenayah, berisiko ditinggalkan oleh keluarga seterusnya menyebabkan mereka tidak mendapat sokongan daripada keluarga selama mereka dipenjarakan.

#### 5.4. Keselamatan dalam Penjara

[United Nations Office on Drugs and Crime \(2014\)](#), mendapati di kebanyakan negara terutamanya di negara barat, wanita dianiaya secara seksual dan dihina oleh pegawai penguat kuasa penjara itu sendiri. Perlakuan seperti itu boleh merangkumi penderaan secara halus atau mengakibatkan pemerkosaan. Pemerkosaan boleh berlaku dalam bentuk layanan seksual. Menurutnya lagi, wanita yang telah didakwa atau disabitkan dengan kesalahan jenayah juga berisiko merupakan lesbian dan biseksual. Hal ini boleh mendatangkan kerisauan keselamatan terhadap wanita yang berada di dalam penjara. Kadang-kala disebabkan oleh kekurangan kakitangan wanita di penjara, menyebabkan risiko sebenar, terutamanya apabila kakitangan lelaki bertanggungjawab dalam pengawasan langsung terhadap mereka ([Celso et al., n.d](#)). Pegawai lelaki melayan banduan wanita dengan rasa tidak hormat, ia mempunyai perbezaan dengan pegawai wanita bertindak dengan banduan wanita itu sendiri. Kakitangan lelaki tidak menghormati banduan wanita lebih cenderung melakukan seksual seterusnya mendatangkan implikasi dan trauma.

#### 6. Garis Asas Untuk Program Pemulihan Yang Berjaya Terhadap Gelandangan Wanita

Dalam membantu untuk memulihkan atau memperbaiki kehidupan pada masa akan datang, program pemulihan perlu diberikan perhatian terutamanya terhadap gelandangan Wanita yang sering terlibat dengan jenayah. Pelbagai pihak perlu berusaha dan bekerjasama dalam melaksanakan program pemulihan yang berkesan agar dapat memberikan kesan positif.

##### 6.1. Penglibatan dan Sokongan

Semua program pemulihan penjara memerlukan penglibatan dan sokongan institusi yang relevan untuk memastikan kejayaan jangka pendek dan kelestarian jangka panjang ([Thailand Institute of Justice, 2019](#)). Walau bagaimanapun, projek pemulihan juga memerlukan sokongan kewangan, sokongan pihak berkuasa dan berkoordinasi agar dapat dijalankan secara lancar dan maju. Menurut [United Nations Office on Drugs and Crime \(2014\)](#), sebelum membangunkan program baru, pihak berkuasa penjara harus memiliki pemahaman yang baik tentang profil banduan penjara, meneliti kualiti dan kesan program yang akan dijalankan serta mengenal pasti sumber dan keperluan pasaran sebenar. Menurut [Yik \(2006\)](#), beberapa program pemulihan terutamanya di Kanada, melibatkan ahli keluarga. Ahli keluarga digalakkan untuk terlibat dengan program pemulihan kerana mereka mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai masalah yang dihadapi oleh banduan itu sendiri.

##### 6.2. Gaya Pengurusan aan Anggota Kerja di dalam Penjara

Prinsip pemulihan harus menjadi asas pendekatan keseluruhan penjara dan hasil terbaik dicapai apabila setiap orang komited terhadap prinsip-prinsip ini sebagai bahagian penting daripada tugas mereka dalam mewujudkan budaya pemulihan di seluruh penjara ([Thailand Institute of Justice, 2019](#)). Hubungan yang baik antara banduan dan kakitangan penjara sangat penting untuk kejayaan pemulihan ([Celso et al., n.d](#)). Kakitangan penjara boleh menjadi peranan utama dalam pemulihan banduan untuk mendorong mereka turut serta dalam aktiviti pendidikan dan latihan yang dijalankan. Kakitangan penjara juga harus merangkumi bilangan pakar yang mencukupi seperti

dalam bidang psikiatri, psikologi, pekerja sosial, guru dan tenaga pengajar yang berkaitan. Hal ini bagi memastikan pemulihan wanita dalam jenayah dalam dijalankan dengan baik.

### **6.3. Pendekatan Terapeutik dan Holistik**

Majoriti gelandangan wanita mempunyai pelbagai keperluan yang bertindih dan pemulihan mereka bergantung kepada semua keperluan yang dipenuhi ([Thailand Institute of Justice, 2019](#)). Program pemulihan harus menangani punca berlakunya tingkah laku jenayah dan untuk mencapai matlamat ini, program mesti disatukan secara holistik dengan mengambil kira faktor ekonomi, sosial, fizikal dan psikologi. Terdapat banyak program yang berfokus kepada perubahan sikap dan tingkah laku banduan yang telah terbukti memberi kesan positif. Ini termasuk terapi tingkah laku kognitif yang bertujuan untuk membantu pesalah menguruskan masalah dengan mengubah cara mereka berfikir dan berkelakuan positif ([Thailand Institute of Justice, 2019](#)).

### **6.4. Pendidikan dan Latihan Vokasional**

Bagi mereka yang sebelum ini kehilangan peluang pendidikan, hidup di penjara boleh memberi mereka peluang untuk belajar asas literasi atau boleh meningkatkan pengetahuan ([Thailand Institute of Justice, 2019](#)). Mereka dapat memperoleh kelayakan baru atau mempelajari kemahiran hidup untuk menolong diri sendiri setelah dibebaskan. Program latihan vokasional di penjara harus menumpukan kepada perkembangan diri yang lebih luas terhadap individu. Selain memberikan kemahiran praktikal, latihan penjara dan program kerja yang baik juga, harus bertujuan untuk memberi maklumat dan kemahiran yang diperlukan oleh banduan untuk mencari pekerjaan setelah dibebaskan. Bagi gelandangan wanita, program latihan kemahiran vokasional harus dipilih dan dirancang dengan pertimbangan untuk jenis pekerjaan yang bersesuaian dengan gender mereka bagi menempatkan diri dalam pasaran pekerjaan.

### **6.5. Hubungan dengan Dunia Luar**

Hubungan dengan keluarga, rakan dan komuniti boleh menjadi penting untuk pemulihan dan penyatuan sosial semula banduan. Dalam banyak kes, hubungan dengan keluarga membolehkan wanita memperbaiki hubungan, mengurangkan risiko perpecahan keluarga dan membolehkan wanita mengambil bahagian dalam keputusan dan perbincangan keluarga termasuk berkaitan dengan penjagaan anak. Perpisahan daripada keluarga terutamanya dalam kalangan gelandangan wanita dengan anak-anak, boleh memudaratkan kesejahteraan psikologi. Lawatan keluarga yang hampir dengan tempoh pembebasan sangat penting dalam membantu banduan dan keluarga membuat rancangan pasca pembebasan. Hubungan dengan dunia luar sangat penting untuk pemulihan gelandangan wanita kerana kenalan rapat dapat memberikan sokongan emosi dan mengurangkan perasaan mereka yang terasing.

### **6.6. Program Berasaskan Modul Keagamaan**

Keperluan dalam memastikan wujudnya elemen keagamaan dalam memulihkan para wanita yang terlibat dalam jenayah. Di Malaysia, terdapat program berasaskan modul keagamaan dikenali sebagai Modul Halaqah ([Siti Jamiaah, 2017](#)). Gelandangan wanita diajar mengenai ilmu agama serta cara beribadah secara berkumpulan. Tujuannya

adalah untuk membina jati diri dan membentuk sikap positif dalam diri banduan serta perasaan insaf dan bertaubat. Program ini dilaksanakan selama enam bulan berkonsepkan sistem pondok dan dilaksanakan secara bersesuaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Menurut [Siti Jamiaah \(2017\)](#), terdapat empat objektif utama program iaitu, untuk memberi ilmu pengetahuan agama Islam kepada banduan khususnya dalam fardu ain, kedua supaya banduan dapat mempraktikkan ajaran Islam yang sebenar, seterusnya melahirkan banduan yang mempunyai jati diri Muslim dan akhir sekali untuk membantu jabatan dalam program pemulihan banduan lain. Program keagamaan sangat penting untuk diterapkan ke dalam sesebuah modul pemulihan yang ingin dijalankan.

## 7. Kesimpulan

Gelandangan wanita yang hidup miskin selalu ditindas dan mengalami kesukaran hidup yang berliku-liku berbanding dengan wanita normal. Terdapat pelbagai faktor yang boleh menyebabkan wanita ini untuk terlibat dalam jenayah. Jenayah ini melibatkan isu berkaitan dengan keselamatan, sosial dan ekonomi. Keadaan ini memerlukan pelbagai bentuk pencegahan yang dapat diperkenalkan untuk mengurangkan kadar jenayah yang berlaku. Pelbagai rawatan yang sesuai dan pengurusan banduan yang dapat diperkenalkan dengan teratur bagi mewujudkan penstrukturan rawatan dan pengurusan yang lebih berkoordinasi. Penulis mendapati banduan lelaki dan wanita sebenarnya berkongsi beberapa ciri psikologi dan sosial namun hal ini terbukti gelandangan wanita sebenarnya mempunyai beberapa keperluan khusus yang lain berdasarkan sudut gender. Maka dengan itu, program pemulihan perlu melibatkan pelbagai aspek termasuk penjagaan kesihatan fizikal dan mental termasuk kaunseling, sokongan psikososial, latihan vokasional, pendidikan dan peluang pekerjaan yang lebih bersesuaian mengikut kehendak dan keperluan wanita. Program pemulihan yang direka dengan terancang dijangka mampu berusaha untuk meningkatkan keselamatan dan langkah-langkah kawalan di sekitar penjara. Pelbagai masalah yang dihadapi oleh wanita menyebabkan mereka memilih untuk hidup sebagai gelandangan di Malaysia. Namun begitu gelandangan wanita mempunyai sikap yang sukar untuk berinteraksi dengan orang yang tidak dikenali menyebabkan proses kerja sosial membantu mereka mengambil masa yang lama. Pekerja sosial dalam bidang perundangan masih kabur di mata gelandangan wanita. Kebanyakan gelandangan wanita masih tidak mengetahui akan kewujudan akta-akta tertentu yang dapat membantu mereka yang telah dieksploitasi oleh pihak yang berkepentingan ke atas mereka.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Artikel ini adalah sepenuhnya dari pengalaman penulis sebagai sukarelawan di bawah Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur dan perbincangan hasil kajian-kajian lepas

## Kewangan (*Funding*)

Penulis memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjana Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penulisan ini.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Abasi, I., & Mohammadkhani, P. (2016). Family risk factors among women with addiction-related problems: An integrative review. *International Journal of High Risk Behaviors & Addiction*, 5(2), e-27021. <https://doi.org/10.5812/ijhrba.27071>
- Aridz Ridzuan. (2017). Jangan Musnahkan Masa Depan Anda Dengan Terlibat Dengan Jenayah. *Sifuridz*. <https://sifuaridz.com/sifuaridz-com/jangan-musnahkan-masa-depan-anda-dengan-terlibat-jenayah-godaan-syaitan/aridz/>
- Astro Awani. (2018, January 23). *Akibat kemurungan, ibu bunuh anak sebelum terjun dari jambatan*. *Astroawani.com*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/akibat-kemurungan-ibu-bunuh-anak-sebelum-terjun-dari-jambatan-166390>
- Baptista, I. (2010). *Women and homelessness*. Homelessness reaserch in Europe.
- Bonn. (2017, Feb 26). Psychopathic Killers Often Hide in Plain Sight. *Psychologytoday*. <https://www.psychologytoday.com/us/blog/wicked-deeds/201702/psychopathic-killers-often-hide-in-plain-sight>
- Burman, M. & Gelsthorpe, L. (2016), 'Feminist Criminology: Inequalities, Powerlessness, and Justice', in A. Liebling, S. Maruna & L. McAra. *The Oxford Handbook of Criminology*. Oxford: Oxford University Press.
- Chant, S. (2014). Exploring the 'feminisation of poverty; in relation to women's work and home-based enterprise in slums of the global south. *International Journal of Gender and Entrepreneurship*, 6(3), 296-316.
- Celso, S. B., et. al. (n.d) Rehabilitation Programmes for Female Offenders - Focusing On Reducing Reoffending Of Female Offenders. *Resource Material Series*, (90),180-185. Diakses dari [https://www.unafei.or.jp/publications/pdf/RS\\_No90/No90\\_26RS\\_Group2 .pdf](https://www.unafei.or.jp/publications/pdf/RS_No90/No90_26RS_Group2.pdf)
- Dash. (2018, Ogos 9). Effect of materialism as a root cause of crime. *Newsday*. <https://newsday.co.tt/2018/08/09/effect-of-materialism-as-a-root-cause-of-crime/>
- Dehnavi. (2021, May 10). Nothing to live on: Poverty is fuelling women's offending. Is It a Crime to Be Poor?; Is it a Crime to be Poor? *Crimetobepoor*. <https://crimetobepoor.org/2021/05/10/nothing-to-live-on-poverty-is-fuelling-womens-offending/>
- Ekhwan Haque (2021). Sokongan Keluarga, Masyarakat Penting Bantu Bekas Banduan. *Harian Metro*. Diakses dari <http://api.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/722056/sokongan-keluarga-masyarakat-penting-bantu->
- Farrah Wahida Mustafar, Faudziah Yusof, Mohd Taib Dora, Fazurah Mustaffa, Mohammad Yasin Omar Mokhtar, Izzat Hafizuddin Osman, Amirul Naim & Mohd Haiqal Mohd Hanafi. (2017). Fenomena gelandangan: faktor kebanjiran 'komuniti jalanan'. *Proceeding Knowledge Empowerment for Sustainable Human Development, Melaka International Conference on Social Sciences (MELICOSS'17)*, 29-30 Julai, (pp. 88-96). Kuala Sungai Baru, Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Goodman, L. & Walker, M. (1975). *The legal services program: Resource distribution and the low income population*. Bureau of Social Sciences Research, Inc., Legal Action Support Project, Report No. 8, Washington, DC: July, 1975.



- Gordon, E. & Peters, J. (2021, February 15). Does a criminal record affect childcustody?. Egpeterslaw. Diakses dari <https://www.egpeterslaw.com/blog/does-criminal-record-affect-child-custody/>
- Hakimie Amrie Hisamudin. (17 Dis 2021). Dasar kita akanindungi wanita, gadis, KJ beri jaminan. *Free Malaysia Today*. Diakses dari <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/12/17/dasar-kita-akan-lindungi-wanita-gadis-kj-beri-jaminan/>
- Haris Abd Wahab. (2003). Jangkaan terhadap peranan pekerja sosial perubatan di Malaysia. *Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara (JATI)*, 8, 85-103.
- Huttman, E., & Redmond, S. (1992). Women and homelessness: Evidence of need to look beyond shelters to long term social service assistance and permanent housing. *Journal of Sociology and Social Welfare*, 19(4), 89-111.
- Jasinski, J. L., Weswly, J. K., Mustaine, E. & Wright, J.D. (2005). The experience of violence in the lives of homeless women: a research report. Diakses dari <https://nij.ojp.gov/library/publications/experience-violence-lives-homeless-women-research-report>
- Katz, S. N. (1961). The lawyer and the caseworker: Some observations. *Social Casework*, 1961, 42, 10-15
- Kamal Affandi (2015). Jenayah- Di Kalangan Wanita. *Utusan Online*. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0311&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke\\_03.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0311&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_03.htm)
- Kneck, A, Mattsson, E, Salzman, M. & Klarare, E. (2021). Stripped of dignity” – women in homelessness and their perspectives of healthcare services: a qualitative study. *International Journal of Nursing Studies*, 120, 103974 doi: <https://doi.org/10.1016/j.ijnurstu.2021.103974>
- Klitzing, S.W. (2004). Women living in a homeless Shelter: stress, coping and leisure. *Journal of Leisure Research*, 36(4), 483-512.
- Kwinyike, J. (2017). Tracing challenges to socio-legal practices: the best way forward. *Ijariee*, 3, 2395-4396
- Laishes, J. (2002). Mental Health Strategy For Women Offenders, Correctional Service Canada. *Government of Canada*. [http://www.csc-scc.gc.ca/text/prgrm/fsw/mhealth/toc\\_e.shtml/](http://www.csc-scc.gc.ca/text/prgrm/fsw/mhealth/toc_e.shtml/)
- Lu. (2018, September 12). On the Causes of Female Crimes. *Sohu*. Diakses dari [https://www.sohu.com/a/253359121\\_100121216](https://www.sohu.com/a/253359121_100121216)
- Mayock, P, Parker,S & Sheridan, S. (2015). *Women, homelessness and service provision*. Somin Communities, Dublin.
- Melo.C.L. (2019). The femization of poverty: A brief Analysis of gender issues and poverty among women and girls. *The Canadian of critical nursing discourse*, 1(1), 73-81
- McLanahan & Kelly, E, L. (1999). *The feminization of poverty, past dan future*. Chapter 7. Princeton, New Jersey
- Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli. (2018). Pemerksaan golongan gelandangan dalam membentuk kesejahteraan sosial dari perspektif Maqasid al Shariah. *Seminar serantau peradaban Islam 2018*. Institute Islam Hadhari, UKM : 14-15 Nov 2018
- Mili, P. M. K., & Cherian, N. S. (2015). *Female Criminality in India: Prevalence, Causes and Preventive Measures*. *International Journal of Criminal Justice Sciences*, 10(1), 65-76.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khariyah Md. Shahid, Noralina Omar, & Zaiton Azman (2018). Hubungkait antara Pergaulan Rakan Senasib dan Ketagihan Dadah Semula: Kajian Kes di Jalan Chow Kit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 146 – 158.

- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Norruzeyati Che Mohd Nasir (2021). Tough life after prison: An analysis of 19 former prisoners in Malaysia. *Journal of Community Development Research (Humanities and Social Sciences)*, 14(1), 24-36.
- Muhammad Syafiq Muhamad Sham & Doris Padmini Selvaratnam (2018). Strategi kelangsungan hidup gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. *Sains Humanika*, 10(2), 19-29.
- Ngah, M. A. (2019, April 17). Rahsiakan Anak Saya Dibesarkan di Penjara. *Berita Harian*. Retrieved November 29, 2021, from <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/04/553909/rahsiakan-anak-saya-dibesarkan-di-penjara>
- Nor Amalina Mohd Adib, Zaliha Hussin & Yarina Ahmad (2016). Homeless women in Malaysia: their choice or victims of situations. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(3), 8-15.
- Nurul Kasmadillawati Zakaria (2021). Tanggungjawab Suami Kepada Isteri dan Keluarga. *Bidadari*. <https://bidadari.my/tanggung-jawab-suami/>
- Oudshoorn, A, Berkum, A. & Van Loon, C. (2018). A history of women's homelessness: the making of a crisis. *Journal of Social Inclusion*, 9(1), 5-20
- Projekmm. (2015). Dakwa Kesempitan Wang, Suami Relakan Isteri Jadi Pelacur. *ProjekMM*. <https://www.projekmm.com/news/berita/2015/11/28/dakwa-kesempitan-wang-suami-relakan-isteri-jadi-pelacur/1013573>.
- Putkonen, H., Komulainen, E. J., Virkkunen, M., Eronen, M. & Lonnqvist, J. (2003). Risk of repeat offending among violent female offenders with psychotic and personality disorders. *American Journal Of Psychiatry*, 160(5), 947-951.
- Reeve, K, Casey, R. & Goudie, R. (2006). *Homeless women. Still being failed yet striving to survive*. Crisis UK.
- Rosliza Mohamed. (2016). Pengaruh Rakan Sebaya Faktor Utama. *Hmetro* <https://api.hmetro.com.my/node/156366>
- Siti Jamiaah Abdul Jalil. (2017). Pengaruh Program Keagamaan Dan Sokongan Sosial Terhadap Konsep Kendiri, Kebimbangan Dan Kemurungan: Kajian Dalam Kalangan Banduan Wanita Di Malaysia. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Nurkhairina Mohd Nor, Mohammad Rahim Kamaluddin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2019). Profil Jenayah Banduan Wanita Di Malaysia: Satu kajian kualitatif. *Akademika*, 89(2), 43-56.
- Struble, C. (2019, August 29). How does gender affect criminology and criminal justice? *Criminology News*. <https://blogs.missouristate.edu/criminology/2019/08/26/how-does-gender-affect-criminology-and-criminal-justice/>
- Thailand Institute Of Justice. (2019). *The Rehabilitation And Social Reintegration Of Women Prisoners. Implementation Of The Bangkok Rules*. Bangkok: Penal Reform International
- United Nations Office On Drugs And Crime. (2014). *Handbook On Women And Imprisonment. 2nd Edition, With Reference To The United Nations Rules For The Treatment Of Women Prisoners And Non-Custodial Measures For Women Offenders (The Bangkok Rules)*. New York: United Nations.
- Veeran, V. (2000). Feminization of poverty. *Women's Symposium of International Association of Schools of Social Work*. [https://www.researchgate.net/profile/Vasintha-Veeran-2/publication/268506084\\_FEMINIZATION\\_OF\\_POVERTY/links/546cf5fe0cf2a7492c55af19/FEMINIZATION-OF-POVERTY.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Vasintha-Veeran-2/publication/268506084_FEMINIZATION_OF_POVERTY/links/546cf5fe0cf2a7492c55af19/FEMINIZATION-OF-POVERTY.pdf)

World Health Organization. (2021, March 9). Devastatingly pervasive: 1 in 3 women globally experience violence. *WHO*. <https://www.who.int/news/item/09-03-2021-devastatingly-pervasive-1-in-3-women-globally-experience-violence>

Yik Koon Teh. (2006). Female Prisoners In Malaysia. *Journal Of Offender Rehabilitation*, 43(1), 45-64.